

NCC3103
CONFIDENTIAL
SULIT



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

FINAL EXAMINATION
PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER II SESSION 2022/2023 (DEGREE PROGRAMME)
SEMESTER II SESI 2022/2023 (SARJANA MUDA)

COURSE : **ISLAM AND ENVIRONMENT**
KURSUS : **ISALM DAN ALAM SEKITAR**

COURSE CODE : **NCC3103**
KOD KURSUS

DURATION : **2 HOURS**
TEMPOH : **2 JAM**

MATRIC NO. : _____
NO. MATRIK

PROGRAMME : _____
NAMA PROGRAM

SEAT NO. : _____
NO. MEJA

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES
ARAHAN KEPADA CALON

- i. Answer all questions.
Sila jawab semua soalan.
- ii. All answers must be marked on the OMR paper provided.
Semua jawapan hendaklah ditanda di atas kertas OMR yang disediakan.

DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL INSTRUCTED
JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

THIS QUESTION PAPER CONSISTS OF NINETEEN (19) PRINTED PAGES
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN BELAS (19) MUKA SURAT BERCETAK

CONFIDENTIAL
SULIT

BAHAGIAN A (40 Markah)

Sila pilih jawapan yang paling tepat bagi setiap soalan dalam bahagian ini.

1. Apakah yang dikaitkan dengan takrifan di bawah:

Agama yang menjadikan penganutnya tunduk, patuh dengan perintah Allah

- A. ihsan
 - B. iman
 - C. Islam
 - D. taqwa
2. Manakah antara berikut merupakan peranan utama dalam penjagaan alam sekitar?
- A. memberi panduan berkaitan sifat dan akhlak terpuji
 - B. memberi panduan akidah dan kepercayaan kepada manusia
 - C. memberi panduan tentang hukum atau peraturan berkaitan alam semesta
 - D. memberi panduan tentang pandangan semesta berkaitan penjagaan alam sekitar
3. Apakah **bukan** tujuan pelantikan manusia sebagai *khalifah* di atas muka bumi?
- A. Pemimpin dalam kalangan makhluk.
 - B. Mengembangkan kekuasaan pemerintahan.
 - C. Menggantikan khalifah terdahulu iaitu para jin.
 - D. Menguruskan urusan keduniaan dan keagamaan.
4. Proses penciptaan manusia dihuraikan dengan terperinci oleh Islam melalui surah
- A. al-Baqarah 2: 30-32
 - B. al-Mu'minun 23: 12-14
 - C. al-Baqarah 2: 127-129
 - D. al-Mu'minun 23: 76-78
5. Mengikut proses kejadian manusia dari perspektif Islam, *'izam* merupakan peringkat kejadian
- A. tulang
 - B. air benih
 - C. titikan darah
 - D. segumpal daging

6. Berikut merupakan urutan yang tepat untuk empat (4) proses terawal kejadian manusia. Mana satukah aturan yang **betul**?
- A. air mani, darah, segumpal daging dan tulang
 - B. air benih, air mani, darah dan segumpal daging
 - C. air, tanah, pati tanah, tanah yang liat dan sebat
 - D. air, tanah, tanah yang liat dan sebat dan tanah keras seperti tembaga
7. Apakah pengertian alam menurut perspektif Islam berdasarkan pandangan Syeikh Idris al-Marbawi?
- A. alam adalah dunia
 - B. alam bersifat baharu
 - C. alam adalah "apa selain Allah"
 - D. alam adalah makhluk yang wujud di dunia ini
8. Apakah yang dimaksudkan dengan alam menurut perspektif Islam.
- A. segala makhluk yang dapat dilihat
 - B. segala makhluk yang tidak dapat dilihat
 - C. segala makhluk selain Allah adalah alam
 - D. segala makhluk yang dirasai kewujudannya
9. Apakah maksud yang **paling tepat** dengan pengertian "Allah mengajar Adam tentang nama-nama".
- A. semua nama-nama benda dan pengertiannya
 - B. mengajar semua nama-nama benda di dunia ini
 - C. peranan akal yang membolehkan Adam mengenali dunia
 - D. cara berinteraksi dengan makhluk-makhluk yang lain di dunia
10. Dialog perantukan Adam sebagai khalifah di muka bumi telah dirakamkan dalam al-Quran. Nyatakan surah dan ayat yang dirakamkan tersebut.
- A. al-Nisa' ayat 3-5
 - B. al-Nisa' ayat 30-35
 - C. al-Baqarah ayat 3-5
 - D. al-Baqarah ayat 30-35
11. Menurut kajian saintis, alam ini terjadi setelah berlakunya teori pertembungan agung atau "Big Bang Theory". Namun begitu teori tersebut telah dirakamkan di dalam al-Quran. Nyatakan surah dan ayat tersebut.
- A. al-Nisa' ayat 30
 - B. al-Anbiya' ayat 30
 - C. Aali Imran ayat 30
 - D. al-Muddathir ayat 3

12. Berikut adalah tujuan-penciptaan Alam. Mana satukah kenyataan berikut adalah benar.
- i. pencarian pencipta
 - ii. pengabdian makhluk kepada Allah
 - iii. kepatuhan makhluk kepada Allah
 - iv- sebagai ujian kepada manusia dan jin
- A. i dan ii
B. i, ii dan iii
C. ii dan iii
D. Semua yang diatas.
13. Hubungan kita dengan makhluk yang lain tidak berakhir di alam dunia ini. Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan tersebut.
- A. Mematuhi segala perintah Allah seperti bersolat
B. Setiap tindakan didunia ini akan dihitung di akhirat kelak.
C. Semua makhluk akan dihitung amalannya termasuk binatang.
D. Tumbuh-tumbuhan juga mempunyai tanggungjawab terhadap manusia.
14. Kenapakah Allah bersumpah dengan makhluk yang diciptanya seperti matahari dan langit.
- A. Untuk menguatkan hujah
B. Untuk menggambarkan kehebatan makhluk tersebut
C. Untuk menggambarkan makhluk tersebut mempunyai peranan yang besar kepada manusia.
D. Untuk menguji manusia adakah bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan Allah.
15. Surah al-Naba'
Bermaksud: "*Tidakkan kamu tahu bahawa kami jadikan bumi ini hamparan*"
- Mana satukah yang **salah** tentang ayat tersebut
- A. Allah telah menjadikan bumi seumpama hamparan yang luas
B. Bumi ini terjadi secara semulajadi
C. Bumi yang luas ini juga makhluk Allah
D. Di dalam al-Quran, banyak memperihalkan tentang kejadian alam
16. Berikut adalah komponen-komponen utama Alam **kecuali**;
- A. Manusia
B. Udara
C. Kereta
D. Tanah

17. Allah telah menyatakan di dalam surah al-Tin tentang kejadian makhluk. Makhluk manakah yang dimaksudkan dalam surah tersebut.
- A. Malaikat
 - B. Jin
 - C. Manusia
 - D. Iblis
18. Setiap makhluk yang hidup mempunyai ruh dan jasad. Allah telah memperihalkan tentang kewujudan ruh di dalam al-Quran menerusi surah dan ayat berikut.
- A. Surah al-Isra', ayat 75
 - B. Surah al-Isra', ayat 85
 - C. Surah al-Nisa', ayat 75
 - D. Surah al-Nisa', ayat 85
19. Di dalam surah al-Mukminun ayat 11-15, Allah menjelaskan secara terperinci tentang sesuatu kejadian yang begitu halus dan tersusun. Makhluk apakah yang dinyatakan dalam surah tersebut.
- A. Binatang
 - B. Tumbuh-tumbuhan
 - C. Insan
 - D. Alam Cakrawala
20. Apakah kelebihan atau keistimewaan yang ada pada telinga manusia.
- A. Sistem pendengaran yang mampu menerima beberapa rangkaian bunyi.
 - B. Sistem pendengaran yang mampu menghimpunkan lebih daripada 4000 rangkaian bunyi.
 - C. Sistem pendengaran yang terdiri daripada gegendang telinga yang memantulkan bunyi.
 - D. Sistem pendengaran yang berupa alat muzik yang canggih.
21. Apakah kelebihan atau keistimewaan yang ada pada mata manusia.
- A. Deria penglihatan yang mampu menerima beberapa jenis cahaya
 - B. Deria penglihatan yang mampu menghimpunkan lebih daripada 4000 rangkaian cahaya.
 - C. Deria penglihatan mempunyai 130,000,000 saraf mata yang mampu menerima sebarang bentuk cahaya
 - D. Deria penglihatan yang terdiri daripada pelbagai komponen yang cantik dan menarik.

22. Kenyataan yang manakah yang benar berkenaan dengan deria rasa yang terdapat pada manusia.

- i. Terdiri daripada otot-otot tebal yang mampu menerima pelbagai bentuk rasa.
- ii. Organ ini mampu memproses rasa yang hanya diketahui oleh yang merasainya sahaja.
- iii. Deria rasa ini mempunyai lebih daripada 9000 benjolan kecil yang amat sensitif.
- iv. Setiap benjolan itu mempunyai saraf-saraf yang amat halus.

- A. i dan ii
- B. i, ii dan iii
- C. ii dan iii
- D. i, ii, iii dan iv

23. Apakah yang dimaksudkan dengan alam cakerawala?

- A. Makhluk yang berada antara batasan langit dan bumi seperti bumi, air, udara, bulan, matahari, gugusan bintang dan langit.
- B. Semua makhluk yang diciptakan oleh Allah seperti malaikat, jin dan manusia.
- C. Makhluk yang dapat dilihat dengan pancaindera manusia seperti batu, kayu dan seumpamanya.
- D. Makhluk yang wujud alam ghaib seperti jin dan malaikat.

24. Makhluk apakah yang dikaitkan dengan kenyataan tersebut;

"Allah telah tentukan kadar ketetapan cahaya dan kepanasannya yang bersesuaian dengan alam ini. Ia tidak terlalu hampir dengan bumi bagi mengelakkan berlakunya kebakaran. Ia juga tidak terlalu jauh bagi mengelakkan bumi menjadi beku dan kehidupan tidak dapat hidup selesa".

- A. Bulan
- B. Bintang
- C. Matahari
- D. Galaksi

25. Apakah hikmah disebalik ayat di dalam surah al-Buruj ayat 1 di bawah berkaitan dengan apa?

Bermaksud: "*Demi langit yang mempunyai tempat-tempat peredaran bintang-bintang*"

- A. Sebagai ramalan untuk masa hadapan
- B. Sebagai panduan untuk kapal-kapal berlayar di waktu malam
- C. Kesonokan bagi manusia yang menggemari kilauan bintang
- D. Gambaran bahawa bintang-bintang telah wujud sekian lama.

26. Menurut al-Qaradawi:

"sekiranya kandungan gas dalam udara meningkat boleh menyebabkan kesan yang amat dahsyat seperti keguguran tahi-tahi bintang di angkasaraya. Manakala kelajuan tahi bintang tersebut adalah 90 kali lebih laju daripada peluru"

Fenomena apakah yang boleh dikaitkan dengan kenyataan tersebut.

- A. Tanah runtuh
- B. Banjir besar
- C. Kilat dan guruh
- D. Hari Kiamat

27. Maksud Hadith:

Seorang wanita telah disiksa dan dimasukkan ke dalam meraka disebabkan oleh telah mengurung seekor kucing hingga mati kelaparan".

Apakah hikmah disebalik hadith tersebut.

- A. Islam memandang tinggi kehidupan seekor kucing
- B. Islam adalah agama yang menghormati makhluk lain termasuk binatang.
- C. Wanita gemar menyiksa kucing
- D. Kita boleh mengurung kucing selagimana tidak mendatangkan kematian.

28. Di antara yang berikut manakah padanan yang betul?

- A. Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa
- B. Zabur yang diturunkan kepada Rasulullah SAW
- C. Injil diturunkan kepada Nabi Daud
- D. Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Isa

29. Di antara bukti kewujudan Allah dengan melihat kejadian seekor unta. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Ghasyiah ayat 17,

Bermaksud:

"Tidakkah kamu lihat kepada kejadian unta, bagaimanakah ia dijadikan"

Mana satukah yang **salah** tentang kejadian unta?

- A. Kurniaan bibir yang terbelah-belah bagi memudahkan mengambil makanan di wadi.
- B. Betis yang panjang bertujuan untuk memudahkan perjalanan di padang pasir.
- C. Bonjolan di belakang berperanan untuk menyimpan lemak bagi mengelakkan terkena penyakit
- D. Anugerah yang berperanan seumpama kasut dan kukunya yang unik digunakan untuk memudahkan pergerakan di dalam timbunan pasir.

30. Nyatakan serangga yang pola kehidupannya sebagaimana berikut.

"Mencari rezeki pada musim panas, makanan yang diperolehi disimpan untuk persiapan dimusim sejuk. Keadaan ini bagi mengelakkan sebarang bahaya yang bakal menimpa sekiranya keluar pada musim sejuk".

- A. Lebah
- B. Semut
- C. Nyamuk
- D. Lalat

31. Makhluk apakah yang dimaksudkan ini;

"mampu merentasi laluan udara dengan petunjuk pencipta. Mereka juga mampu berhijrah dari satu benua ke benua yang lain dengan kekuatan stamina yang amat menakjubkan, bahkan mampu kembali ke tempat asalnya."

- A. Serangga
- B. Burung
- C. Angin
- D. Awan

32. Antara yang berikut manakah rukun Islam berdasarkan hadis Nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar?

- A. bersyahadah bahawa tidak ada Tuhan yang berhak diabdikan selain Allah dan Nabi Muhammad SAW hambanya serta rasulnya, bersedekah, menghormati orang tua, mengerjakan haji, dan berpuasa di bulan Ramadan
- B. bersyahadah bahawa tidak ada Tuhan yang berhak diabdikan selain Allah dan Nabi Muhammad SAW hambanya serta rasulnya, dan mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji, dan berpuasa di bulan Ramadan
- C. berselawat ke atas Rasulullah, dan mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji, dan berqiamullail di bulan Ramadan
- D. bersyahadah bahawa tidak ada Tuhan yang berhak diabdikan selain Allah dan Nabi Muhammad SAW hambanya serta rasulnya, dan mendirikan solat, menunaikan zakat dan fidyah, mengerjakan haji di Baitul Allah, dan berpuasa di bulan Ramadan.

33. Firman Allah yang bermaksud:

"Dan tidaklah sama keadaan dua laut (sekalipun satu jenisnya), yang satu tawar lagi memuaskā dahaga serta sesuai diminum, sementara yang satu lagi masin lagi pahit dan (kedua-duanya itu berfaedah kepada kamu): Dari tiap-tiap satunya kamu dapat makan daging yang lembut"

Terdapat beberapa isu yang dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Fatir ayat 12 di atas, **kecuali**;

- A. Terdapat dua sumber air yang diperolehi daripada bumi ini.
- B. Hanya air tawar sahaja yang dapat menghilangkan dahaga.
- C. Daging yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah lembu.
- D. Daging yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah ikan.

34. Kesemua yang berikut adalah benar tentang tumbuh-tumbuhan **kecuali**;

- A. Meliputi 27.6 % keluasan muka bumi
- B. Kejadian yg mempunyai hubungan rapat untuk memberi keseimbangan alam
- C. Sebagai sumber rezeki dan kemudahan kepada manusia dan kehidupan lain.
- D. Fungsi yg amat penting ialah mengeluarkan karbon dioksida dan menyerap oksigen.

35. Firman Allah dalam surah al-Ra'du ayat 4 bermaksud:

"Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan, dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan pelbagai jenis tanaman serta pohon kurma yang berumpun dan yang tidak berumpun. Semuanya di siram dengan air yang sama, dan kami lebihkan buah sesetengahnya dari yang lain (pada bentuk, rasa dan baunya). Sesungguhnya yang demikian itu adalah tanda-tanda kekuasaan Allah bagi golongan yang berakal'.

Mana satukah yang **salah** tentang kenyataan dalam ayat ke 4 dari surah *al-Ra'd* tersebut.

- A. Tanah yang terdapat di bumi ini diciptakan untuk proses pembiakan tumbuh-tumbuhan.
- B. Pohon kurma dan anggur merupakan tumbuhan yang terbaik di bumi ini.
- C. Keunikan tumbuhan adalah siraman air yang sama namun rasanya adalah berbeza.
- D. Hanya golongan yang berakal sahaja yang mampu melihat kebesaran tuhan menerusi proses pembiakan tumbuh-tumbuhan.

36. Lazimnya kita mengaitkan alam sekitar dengan alam yang mampu dilihat. Tahukah anda bahawa terdapat alam yang wujud disebalik alam yang dilihat ini. Alam tersebut dikenali sebagai alam ghaib. Apakah jenis-jenis makhluk yang terdapat di alam ghaib tersebut.

- A. Malaikat dan Jin sahaja.
- B. Malaikat, Jin dan Iblis.
- C. Malaikat dan angin.
- D. Malaikat dan atom.

37. Sabda Rasulullah SAW:

"Daripada Aisyah RA, Dari Rasulullah SAW, katanya: " Malaikat diciptakan daripada cahaya, dan diciptakan jin dari nyalaan api, dan diciptakan Adam sebagaimana aku nyatakan kepada kamu semua (sebelum ini-daripada tanah)" Hadith diriwayatkan oleh Muslim.

Apakah yang bercanggah dengan hadith di atas.

- A. Malaikat diciptakan oleh Allah daripada cahaya.
 - B. Jin diciptakan oleh Allah daripada nyalaan api.
 - C. Manusia diciptakan oleh Allah daripada tanah.
 - D. Manusia diciptakan menerusi teori evolusi.
38. Terdapat 10 ketua malaikat yang masyhur dinyatakan dalam al-Quran. Mana satukah tugas malaikat yang **salah**.
- A. Jibril: Ketua kepada semua malaikat dan tugas utamanya mencatat amalan kebaikan.
 - B. Mikail: Ketua kepada malaikat yang menguruskan hal-ehwal kehidupan
 - C. Israfil: Malaikat yang meniup sangka kala pada hari akhirat.
 - D. Izrail: Ketua kepada malaikat yang mengambil nyawa makhluk.
39. Dalam surah al-Baqarah ayat 30, Allah berfirman bermaksud "
- "Apabila Tuhan kamu berkata kepada malaikat,: "Aku akan jadikan di atas muka bumi "khalifah(pengganti)".*
- Apakah yang dijelaskan oleh Syeikh Prof Wahbah Zuhailly dalam Tafsir Munir mengenai istilah khalifah.
- A. Sebagai pentadbir dunia.
 - B. Sebagai perancang pembangunan alam.
 - C. Sebagai pengganti kepada pengurus dunia sebelum ini iaitu binatang.
 - D. Sebagai pengganti kepada pengurus dunia sebelum ini iaitu malaikat.
40. Terdapat jin yang telah menerima Islam apabila tertarik dengan al-Quran yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW. Nyatakan surah dan ayat yang memperihalkan tentang kisah tersebut.
- A. Surah Jin, ayat 1 & 2
 - B. Surah Jin, ayat 11 & 12
 - C. Surah al-Qalam, ayat 1 & 2
 - D. Surah al-Qalam, ayat 11 & 12

41. Tanah merupakan antara komponen alam yang utama. Mana satukah yang salah tentang fungsi tanah.

- A. Sebagai tempat tinggal.
- B. Sebagai tempat menanam mayat atau sisa.
- C. Sebagai sumber pahala untuk bekalan akhirat.
- D. Sebagai tempat pembiakan hidupan laut.

42. Tanah juga berfungsi untuk mengangkat *hadath* (bersuci). Apakah istilah yang digunakan untuk proses berkenaan.

- A. Toharah.
- B. Tayammum.
- C. Tayyibah.
- D. Tabib.

43. Firman Allah dalam surah Al-A'raf ayat 58;

"Tanah yang baik tumbuh tanaman dengan subur dengan izin Tuhannya, tetapi tanah yang tidak baik tumbuhannya tidak tumbuh kecuali tumbuhan melata. Beginilah kami menyatakan tanda kebesaran Allah bagi golongan yang bersyukur".

Dalam al-Quran, Allah berfirman tentang kepentingan tanah sebagai komponen alam semulajadi. Sebagaimana maksud firman Allah di atas, kepentingan apakah yang dimaksudkan dalam ayat tersebut?

- A. Sebagai sumber sedekah untuk diwakafkan.
- B. Sebagai sumber pertanian dan penternakan.
- C. Sebagai tempat tinggal manusia di alam dunia.
- D. Sebagai tempat pemakaman atau perkuburan.

44. Adakah yang dimaksudkan dengan kepentingan air dalam Islam berdasarkan beberapa kenyataan berikut;

- i. Sebagai makhluk yang digunakan untuk bersuci
- ii. Sebagai sumber makanan dan minuman
- iii. Sebagai makhluk yang dijadikan untuk membantu makhluk lain hidup.
- iv. Sebagai rakan kongsi kepada tanah.

- A. i dan ii
- B. i,ii dan iii
- C. ii dan iii
- D. Semua yang di atas.

45. Allah telah berfirman dalam surah al-Furqan ayat yang ke 53. Ayat tersebut adalah berkaitan dengan kepentingan air sebagai;

- A. Sumber tenaga
- B. Tempat mencari rezeki
- C. Sumber makanan dan minuman
- D. Sumber utama untuk bersuci

46. Allah telah berfirman dalam surah Ibrahim ayat yang ke 32. Ayat tersebut adalah berkaitan dengan kepentingan air sebagai;

- A. Sumber tenaga
- B. Tempat mencari rezeki
- C. Sumber makanan dan minuman
- D. Jalan pengangkutan

47. Firman Allah bermaksud:

Sesungguhnya bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Allah) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan kiri (kepada mereka dikatakan): "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun". Tetapi mereka berpaling, maka Kami datangkan kepada mereka banjir yang besar dan Kami ganti kedua kebun-kebun mereka dengan dua kebun yang ditumbuhi (pohon-pohon) yang berbuah pahit, pohon Ats' dan sedikit dari pohon Sidr (Surah Saba' 15-16).

Di dalam surah al-Saba' Allah telah merakamkan tentang tamadun dunia yang pernah dibangunkan menerusi penggunaan komponen alam sekitar. Apakah mesej yang hendak disampaikan kepada manusia tentang ayat tersebut.

- A. Kepentingan tanah untuk menjana tenaga
- B. Kepentingan angin untuk menjana tenaga elektrik
- C. Kepentingan air dalam untuk pembinaan hidroelektrik
- D. Kepentingan cahaya untuk menjana tenaga solar

48. Dalam surah al-Anfal ayat ke 11, Allah telah menjelaskan tentang penggunaan air untuk bersuci. Apakah yang dimaksudkan dengan bersuci tersebut.

- A. Membasuh kotoran degil semata-mata.
- B. Untuk berwuduk sahaja
- C. Untuk mandi wajib dan berwuduk
- D. Untuk membasuh sebarang kotoran dan mengangkat *hadath*

49. Berikut adalah kepentingan udara menurut perspektif Islam terhadap alam sekitar. Mana satukah yang **salah**?

- A. Sebagai ejen pendebungaan bagi tumbuh-tumbuhan
- B. Membawa hujan ke kawasan tandus
- C. Membersihkan udara yang busuk
- D. Sebagai alat untuk bersuci

50. Allah telah merakamkan kepada manusia di dalam al-Quran tentang kepentingan udara sebagai makhluk yang bertindak sebagai ejen pendebungaan. Apakah surah yang menyatakan tentang perihal tersebut.

- A. Surah al-Hijr
- B. Surah al-Ankabut
- C. Surah al-Maaidah
- D. Surah al-Mumtahanah

51. Kadar gas-gas di dalam udara telah ditetapkan oleh Allah. Gas-gas tersebut berperanan dalam memastikan makhluk di dunia ini dapat meneruskan kehidupan dan keharmonian mereka. Apakah istilah yang paling sesuai digunakan bagi pernyataan tersebut?

- A. Kesamarataan
- B. Kelestarian
- C. Keharmonian
- D. Keselesaian

52. Teras apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan berikut;

"Pencipta alam mestilah maha sempurna. Prinsip kelestarian alam mestilah bertauhidkan kepada Allah yang Esa. Perjalanan alam mestilah berdasarkan sunnatullah (peraturan Allah)."

- A. Syariah
- B. Akhlak
- C. Moral
- D. Akidah

53. *"Islam melihat pengurusan alam adalah sejajar dengan konsep pertanggungjawaban manusia. Dengan ini, tanggungjawab tersebut mestilah didasari dengan syariat Islam"*

Apakah yang paling tepat tentang konsep pertanggungjawaban di atas berdasarkan prinsip Islam dan alam sekitar?

- A. Bencana alam seperti banjir adalah penyebab utama kemusnahan alam sekitar.
- B. Binatang buas perlu bertanggungjawab ke atas kepupusan binatang jinak.
- C. Manusia dan jin perlu bertanggungjawab ke atas kemusnahan alam.
- D. Setiap tindakan manusia akan dipersoalkan oleh pencipta di akhirat kelak.

54. Apakah prinsip utama dalam teras akhlak dari perspektif Islam melestarikan alam sekitar?

- A. Sentiasa meningkatkan kesegaran dengan beriadah pada waktu malam.
- B. Memastikan manusia membuang sampah di sungai yang mengalir.
- C. Menjaga persekitaran dengan cara membakar sampah di tempat yang terbuka.
- D. Mengekalkan kesegaran, keindahan dan keharmonian alam berteraskan nilai-nilai murni manusia.

55. Berdasarkan teras akidah dalam pengurusan alam menurut Islam, terdapat konsep '*Tauhid Uluhiyyah*'. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep tersebut.

- A. Mensyariatkan manusia agar beribadah kepada Allah yang Esa.
- B. Mensyariatkan semua makhluk di alam ini agar beribadat kepada Allah.
- C. Konsep yang menekankan tentang prinsip akhlak dalam kelestarian alam
- D. Konsep yang menggambarkan tentang keindahan alam semesta.

56.

- i. Kepercayaan bahawa pencipta dan penguasa alam ini ialah Allah
- ii. Pengesaan perbuatan-perbuatan Allah.
- iii. Allah menjadikan alam, memberi rezeki, menghidupkan dan mematikan.
- iv. Dipercayai oleh kesemua umat manusia termasuk kaum musyrikin.

Apakah ciri-ciri yang boleh dikaitkan dengan konsep diatas.

- A. *Tauhid Uluhiyyah*.
- B. *Tauhid Rububiyyah*.
- C. *Tauhid Asma'*.
- D. *Tauhid Sifaat*.

57. Apakah yang dimaksudkan dengan *Tauhid Rububiyyah* dari sudut bahasa?

- A. Pemilikan alam.
- B. KeEsaan Pencipta.
- C. Allah tempat bergantung.
- D. Allah maha mengetahui.

58. Apakah yang dimaksudkan dengan *Tauhid Asma' wa Sifaat*?

- A. Nama-nama Allah yang wajib dihafal.
- B. Sifat-sifat Allah yang wajib dihafal.
- C. Nama-nama dan sifat-sifat Allah yang penuh kesempurnaan.
- D. Nama-nama dan sifat Allah yang sering diulang-ulang.

59. Apakah perspektif syariah dalam tanggungjawab manusia terhadap alam sekitar?

- i. Tanggungjawab sebagai khalifah Allah.
- ii. Manusia sebagai khalifah Allah, akan disoal tentang tanggungjawab menjaga alam di padang mahsya (akhirat).
- iii. Tanggungjawab *Ubudiyyah* (pengabdian diri)
- iv. Manusia yang dikurniakan akal akan dipersoal tentang matlamat kehidupan.

- A. i dan ii
- B. i, ii dan iii
- C. ii dan iii
- D. semua di atas.

60. Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan tersebut?

Manusia akan dipersoalkan tentang hukum-hakam yang berkait dengan alam seperti air untuk bersuci, bumi untuk bersujud, binatang dan tumbuh-tumbuhan sebagai makanan (halal atau haram)

- A. Alam sekitar menurut perspektif akhlak Islam
- B. Alam sekitar menurut perspektif syariat Islam
- C. Alam sekitar menurut akidah Islam
- D. Alam sekitar menurut perspektif moden

61. Apakah yang anda fahami tentang sifat *Qanaah* yang sebagaimana kenyataan di bawah?

Islam menyuburkan sifat *Qanaah* agar tidak menjadi insan yang rakus sehingga memusnahkan alam

- A. Bertolak ansur antara makhluk.
- B. Berpada tentang apa yang ada.
- C. Berkerjasama dalam kalangan makhluk.
- D. Berfikir sebelum melakukan sesuatu tindakan.

62.

Islam menggalakkan umatnya menanam sifat kecintaan pada alam, lantaran dengan kecintaan tersebut mampu menyuntik keinsafan sebagai makhluk Allah

Berdasarkan kenyataan diatas, apakah istilah yang paling sesuai dengan kenyataan tersebut berdasarkan etika pengurusan alam menurut kaedah Islam?

- A. Sifat *Taawun*
- B. Sifat *Qanaah*
- C. Sifat *Mahabbah*
- D. Sifat *Ihsan*

63. "Menerusi sifat *Ihsan*, menjadikan kita berfikir sejenak untuk melakukan kerosakan dan kemusnahan ciptaan Allah. Ini adalah kerana, setiap tindak tanduk kita diawasi oleh Allah dan dicatat oleh malaikat."

Sifat *Ihsan* yang dinyatakan tersebut adalah berkait rapat dengan perilaku manusia ke atas alam sekitar. Apakah yang dimaksudkan dengan sifat *Ihsan* tersebut?

- A. Manusia akan dibangkitkan semula di padang mahsyar.
- B. Segala tindakan manusia diawasi oleh Allah.
- C. Alam sekitar akan musnah dengan kekuasaan yang ada pada manusia.
- D. Alam akan hancur apabila ditiup nafiri kehancuran oleh Malaikat.

64. "Islam adalah agama yang menggalakkan amalan tolong menolong sesama manusia terutamanya untuk memastikan alam ini bersih dan terjaga dengan rapi."

Sifat apakah yang menjelaskan tentang akhlak atau nilai murni di atas?

- A. Sifat *Qanaah*
- B. Sifat *Taawun*
- C. Sifat *Ihsan*
- D. Sifat *Mahabbah*

65. Kesemua agama didunia ini memartabatkan alam sekitar agar sentiasa lestari dan terkawal. Kenyataan di bawah adalah merujuk kepada agama apa?

"Berdasarkan doktrin agama ini, penganutnya dilarang melakukan kekejaman kepada haiwan. Doktrin ini menggalakkan penganutnya bersikap vegetarian di dalam makanan."

- A. Agama Budha
- B. Agama Kristian
- C. Agama Hindu
- D. Agama Majusi

66. Apakah yang difahami dengan qadar dan qadar?

- A. Manusia berupaya melawan takdir Allah
- B. Kita perlu berserah segalanya kepada Allah
- C. Hidup ini ujian dari Allah dan banyakkkan bersabar
- D. Apa jua yang berlaku semuanya atas kehendak Allah

67. Apakah keterangan tentang alam yang terdapat dalam kitab Genesis yang menjadi pegangan agama Kristian?

- A. Manusia lahir daripada teori evolusi.
- B. Seluruh alam termasuk manusia adalah ciptaan Tuhan.
- C. Alam sekitar terbentuk selepas berlakunya *big bang*.
- D. Air dan tanah adalah makhluk terpenting dalam komponen alam.

68. Siapakah yang dianggap sebagai pencetus kesedaran alam sekitar moden?
- A. Frank Carson
 - B. Rachel Carson
 - C. Rachel Darson
 - D. Frank Darson
69. Fasa pertama kesedaran tentang alam sekitar telah melahirkan beberapa NGO. Pilih NGO yang manakah yang sinonim tentang kesedaran alam sekitar?
- i. National Trust
 - ii. Sierra Club
 - iii. Sierra Lion Club
 - iv. Just International Club
- A. i dan ii
 - B. i, ii, iii.
 - C. ii dan iii
 - D. Semua diatas.
70. Apakah peristiwa besar yang berlaku pada fasa kedua kesedaran alam sekitar sedunia?
- A. Banjir lumpur terbesar di Bangladesh
 - B. Ribut taufan di Amerika Syarikat
 - C. Pengeboman Bandar Hiroshima dan Nagasaki di Jepun.
 - D. Thunami Aceh di Indonesia.
71. Isu apakah yang diketengahkan dalam laporan penyelidikan *silent spring*?
- A. Kesan lumpur ke atas alam sekitar.
 - B. Kesan industri kimia ke atas alam sekitar.
 - C. Kesan pencemaran udara yang terhasil kilang.
 - D. Kesan industri makanan yang menyebabkan lambakan sampah.
72. Fasa kelima kesedaran alam sekitar telah menampakkan impak yang menyeluruh ke seluruh dunia. Hasil daripada inilah telah berlangsungnya persidangan tentang kesedaran alam sekitar. Apakah persidangan yang dimaksudkan?
- A. Sidang Kemuncak Dunia di Bali, 1990.
 - B. Sidang kemuncak Dunia di Oklahoma, 1990.
 - C. Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Jeneiro, 1992.
 - D. Sidang Kemuncak Bumi di Helsinki, 1992.
73. Berikut merupakan isu-isu semasa berkaitan dengan alam sekitar **kecuali**:
- A. Pemusnahan sumber alam.
 - B. Penipisan ozon
 - C. Pemusnahan bio-diversiti
 - D. Ancaman thunami.

74. Apakah isu **utama** daripada beberapa kenyataan di bawah?

- ▶ Penduduk dunia semakin bertambah menyebabkan sumber alam dieksploitasikan demi memenuhi keperluan manusia.
- ▶ Hutan hujan Tropika diterokai dan dijadikan estet pertanian seperti getah, sawit dan sebagainya.
- ▶ Terdapat hutan dibersihkan untuk dijadikan bandar seperti KLIA.
- ▶ Kawasan yang baru diterokai tidak mampu berperanan seperti asal dan tidak mampu menyimpan air.

- A. Pemanasan global kesan daripada pembangunan yang pesat.
- B. Pemusnahan bio-diversiti menyebabkan rantai kehidupan musnah.
- C. Pemusnahan sumber alam menjadikan alam sekitar semakin terancam.
- D. Penipisan ozon yang terhasil daripada penubuhan rumah-rumah kaca.

75. Apakah kesan **utama** yang dikaitkan dengan fenomena di bawah:

- ▶ Suhu semakin tinggi di kawasan Khatulistiwa pada musim panas
- ▶ Musim kering di China dan Amerika Utara
- ▶ Terlalu sejuk di Eropah

- A. Pemanasan global
- B. Penipisan ozon
- C. Pemusnahan sumber alam
- D. Pemusnahan bio-diversiti

76. Apakah yang menyebabkan negara Denmark mengharamkan peralatan CFC pada tahun 1987?

- A. Pemanasan global.
- B. Penipisan Ozon.
- C. Pemusnahan sumber asli.
- D. Pemusnahan bio-diversiti.

77. Menurut perspektif Islam, kemusnahan alam sekitar kini telah menjadikan manusia semakin insaf. Apakah yang wajar difikirkan dengan kemusnahan alam ini?

- A. Matlamat utama kehidupan manusia untuk mentadbir dunia.
- B. Matlamat utama kehidupan manusia untuk mencari pencipta dan untuk persiapan di hari akhirat.
- C. Kesenangan dan keselesaan kehidupan adalah tuntutan utama.
- D. Kemusnahan alam sekitar menyebabkan kita terus berfikir untuk menyelamatkan dunia daripada berlakunya kiamat.

78. Menurut Syeikh al-Qaradawi, antara matlamat utama kedatangan manusia ke alam ini adalah untuk mencari pencipta alam. Berikut adalah dalil dalam proses pencarian pencipta alam **kecuali**:

- A. Dalil Fitrah
- B. Dalil kejadian makhluk
- C. Dalil kesempurnaan makhluk
- D. Dalil Kinayah

79. Apakah dalil yang boleh dikaitkan dengan kenyataan dibawah:

"Segala ketetapan jlsim makhluk ditetapkan oleh Allah, begitu juga dengan kejadian baik dan buruk makhluk berlaku dengan penuh kebijaksanaan Allah. Takdir dan ketetapan tersebut telah memadai untuk manusia mencari penciptaNya"

- A. Dalil Fitrah
- B. Dalil kejadian makhluk
- C. Dalil kesempurnaan makhluk
- D. Dalil berasaskan takdir Allah

80. Kenyataan di bawah berkait rapat dengan dalil kewujudan pencipta Alam. Dalil apakah yang dimaksudkan daripada kenyataan tersebut?

"Segala makhluk di alam ini hidup berdasarkan petunjuk Allah. Sebagai contohnya, binatang mampu meneruskan kehidupannya meskipun tidak berakal. Mereka semuanya bergerak dengan pedoman Allah."

- A. Dalil kejadian makhluk
- B. Dalil hidayah
- C. Dalil kesempurnaan makhluk
- D. Dalil berasaskan takdir Allah

Kertas Soalan Tamat